

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**  
**JADUAL TARIKH BAYARAN YURAN SEM 1 2024/2025 : PELAJAR PRASISWAZAH**

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH BAYARAN	CATATAN
1	Semester 1 2024/2025 bermula	07/10/2024		Kuliah bermula
2	Bayaran minima ( <i>bagi pelajar tidak berpenaja &amp; pelajar PTPTN sahaja</i> )  i. <i>Yuran Pelbagai (kebajikan, aktiviti, kesihatan &amp; insurans)</i>  ii. <i>Yuran Asrama (bagi menginap di asrama sahaja)</i>	07/10/2024 Hingga 03/11/2024	4 minggu	Selewatnya minggu ke 4 kuliah  Akses kepada sistem ecomm, KALAM dan UDAS disekat bermula minggu ke 5 jika tidak membuat bayaran.
3	Proses <b>SEKATAN PERTAMA</b> pelajar berhutang <i>bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN sahaja</i>	04/11/2024		Hari pertama bekerja minggu ke 5 kuliah
4	Tarikh bayaran penuh yuran ( <i>bagi semua pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN</i> )	07/10/2024 hingga 24/11/2024	7 minggu	Selewatnya minggu ke-7 kuliah
5	Cuti pertengahan Semester 1 2024/2025	23/11/2024 Hingga 01/12/2024		1 minggu
6	Proses <b>SEKATAN KEDUA</b> bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN yang masih berhutang	02/12/2024		Hari pertama bekerja minggu ke 8 kuliah
7	Tarikh akhir untuk jelaskan semua hutang bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN	22/12/2024	10 minggu	Hari akhir minggu ke 10 kuliah
8	Ditangguhkan Pengajian bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN yang masih berhutang	23/12/2024		Minggu ke-11 kuliah
<p style="text-align: center;"><b><u>PELAJAR TIDAK BERPENAJA DAN PELAJAR PTPTN AKAN DITANGGUHKAN PENGAJIAN DIAMBIL KIRA</u></b>  <b><u>PADA MINGGU KE11 KULIAH (23/12/2024) SEKIRANYA TIDAK JELASKAN SEMUA HUTANG PADA TARikh</u></b>  <u><b>AKHIR 22/12/2024</b></u></p>				
9	Peperiksaan Akhir Semester 1 2024/2025 bermula	03/02/2025 Hingga 19/02/2025		12 hari
10	Proses <b>SEKATAN KETIGA</b> ( <i>bagi semua pelajar berpenaja yang masih berhutang</i> )	20/02/2025	18 minggu	Tempoh daripada semester bermula hingga tarikh akhir sekatan ketiga

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**  
**RINGKASAN TARIKH AKHIR PEMBAYARAN YURAN SEM 1 2024/2025 : PELAJAR PRASISWAZAH**

AKTIVITI	PELAJAR TIDAK BERPENAJA		PELAJAR PTPTN		PELAJAR BERPENAJA		MINGGU KULIAH
	PELAJAR BAHRU	PELAJAR KANAN	PELAJAR BAHRU	PELAJAR KANAN	PELAJAR BAHRU	PELAJAR KANAN	
Bayaran Yuran Pendaftaran	Sebelum Pendaftaran	Tidak Berkaitan	Sebelum Pendaftaran	Tidak Berkaitan	22/11/2024	Tidak Berkaitan	Pelajar baharu tanpa penaja / PTPTN : sebelum pendaftaran  Pelajar Baharu Berpenaja: Minggu ke 7 kuliah
Bayaran yuran Pelbagai dan Yuran Asrama	Sebelum Pendaftaran	03/11/2024	Sebelum Pendaftaran	03/11/2024	22/11/2024		Minggu ke 4 kuliah
<b>SEKATAN PERTAMA</b> bagi yang masih berhutang Yuran Pelbagai & Yuran Asrama	Tarikh sekatan : 04/11/2024		Tarikh sekatan : 04/11/2024		Tidak berkaitan		Minggu ke 5 kuliah
Bayaran penuh yuran	Tarikh akhir : 24/11/2024		Tarikh akhir: 24/11/2024		24/11/2024		Minggu ke 7 kuliah
<b>SEKATAN KEDUA</b> bagi yang masih berhutang	Tarikh sekatan : 02/12/2024		Tarikh sekatan : 02/12/2024		Tidak berkaitan		Minggu ke 8 kuliah
Tarikh akhir untuk jelaskan semua hutang	Tarikh akhir : 22/12/2024		Tarikh akhir : 22/12/2024		Tarikh akhir : 19/02/2025		<p><b>Tanpa Penaja &amp; pelajar PTPTN : Minggu ke 11 kuliah</b></p> <p><b>Berpenaja: Minggu ke 17 kuliah</b></p>
<b>DITANGGUHKAN PENGAJIAN</b> bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN yang masih berhutang	Tarikh : 23/12/2024		Tarikh : 23/12/2024		Tidak berkaitan		<p><b>Tanpa Penaja &amp; pelajar PTPTN : Minggu ke 11 kuliah</b></p>
<b>SEKATAN KETIGA</b> bagi pelajar berpenaja yang masih berhutang	Tidak berkaitan		Tidak berkaitan		Tarikh sekatan: 20/02/2025 (satu hari selepas tamat peperiksaan akhir)		Minggu ke 18 kuliah

**KESAN SEKATAN KE ATAS PELAJAR BERHUTANG**

KATEGORI	SEKATAN KE ATAS PELAJAR BERHUTANG	PENERANGAN RINGKAS
<b>1. PELAJAR BERPENAJA</b>	a. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan	<i>i. Akan disekat sehingga penaja membuat bayaran</i> <i>ii. Akan disekat sehingga pelajar membuat bayaran bagi baki beza yang tidak ditaja</i>
	b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, KALAM dan UDAS pada semester baharu	<i>Akan disekat pada semester baharu jika masih ada hutang tertunggak semester sebelumnya</i>
	c. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	
<b>2. PELAJAR TIDAK BERPENAJA DAN PELAJAR PTPTN</b>	a. Ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran kursussebenar	
	b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, KALAM dan UDAS pada semester semasa dan baharu	<i>Disekat pada minggu ke-5 kuliahsemester semasa dan semester baharu sehingga hutang diselesaikan</i>
	c. Ditangguhkan Pengajian Diambil Kira	<i>Pelajar akan diberikan statusTANGGUH PENGAJIAN DIAMBIL KIRA (Defer C) pada minggu ke 11 perkuliahan jika masih berhutang</i>
	d. Ditahan daripada menduduki peperiksaan	
	e. Ditahan keputusan dan transkri peperiksaan	
	f. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	

\*pelajar yang ditangguhkan pengajian akan dikecualikan yuran perkuliahan,namun yuran pelbagai dan asrama perlu dibayar penuh.

**SOALAN LAZIM****A. UMUM**

1. **Bilakah tarikh akhir bayaran yuran Sem 1 24/25 sebelum sekatan dibuat?**
  - i. Pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN : sebelum atau pada **03/11/2024 (minggu ke 4 kuliah)** untuk yuran pelbagai dan yuran asrama
  - ii. Pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN : sebelum atau pada **24/11/2024 (minggu ke 7 kuliah)** untuk semua baki yuran dan hutang tertunggak
  - iii. Pelajar berpenaja : sebelum atau pada **19/02/2025 (minggu ke 17 kuliah)** untuk semua baki yuran dan hutang tertunggak
  
2. **Saya/keluarga saya mempunyai masalah kewangan dan menghadapi kesukaran untuk membayar yuran pada semester ini. Apakah yang perlu saya lakukan?**
  - i. Menghubungi/berjumpa dengan Penasihat Akademik untuk berbincang masalah yang dihadapi  
*Atau*
  - ii. Mencari penjamin di kalangan staf UMPSA. Borang Jaminan boleh didapati dengan emel kepada Bahagian Kewangan Pelajar di [collection1@umpsa.edu.my](mailto:collection1@umpsa.edu.my)  
*Atau*
  - iii. Menghubungi Unit Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni untuk bantuan kebajikan (tertakluk kepada terma dan syarat). Emel [kebajikanpelajar@umpsa.edu.my](mailto:kebajikanpelajar@umpsa.edu.my)
  - Emel yang dihantar hendaklah dinyatakan nama, ID pelajar, nombor telefon untuk dihubungi dan masalah kewangan secara terperinci
  - Emel hendaklah dihantar selewat-lewatnya minggu ke 4 kuliah bagi memudahkan bantuan dan khidmat nasihat diberikan dengan cepat sebelum tempoh bayaran berakhir yang boleh mengakibatkan pelajar ditangguhkan pengajian
  
3. **Bagaimanakah caranya untuk saya menyemak atau mengetahui jumlah yuran yang perlusaya bayar?**

Semua pelajar boleh menyemak secara dalam talian di ecomm pelajar>Financial Info. Semua inbois, resit bayaran, maklumat tajaan juga boleh disemak. Maklumat yang tertera adalah secara waktu sebenar (real time)
  
4. **Bagaimanakah cara bayaran yuran kepada UMPSA?**
  - i. Melalui epayment FPX
  - ii. Melalui ATM Bank Islam>Pilih Bill Presentment
  - iii. Melalui Maybank2u>pay & transfer>pay>pay to payee>pilih new payment and pilih Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

**B. PELAJAR TIADA PENAJAAN DAN PELAJAR PTPTN**

5. **Saya adalah pelajar tanpa penajaan, bilakah saya perlu membayar yuran Sem 1 24/25?**
- i. Yuran pelbagai dan yuran asrama : Sebelum minggu ke 4 kuliah. Tarikh akhir bayaran **03/11/2024**
- ii. Baki yuran : Sebelum minggu ke 7 kuliah dan terakhir sebelum minggu ke 10 kuliah
- Tarikh akhir bayaran sebelum sekatan dilaksanakan : **24/11/2024**
  - Tarikh akhir bayaran sebelum ditangguhkan pengajian : **22/12/2024**
6. **Saya adalah pelajar yang tidak mempunyai penaja, sekiranya saya tidak membayar yuran dalam tempoh yang ditetapkan, apakah kesan ke atas saya?**

SEKATAN KE ATAS PELAJAR TIADA PENAJAAN DAN PELAJAR PTPTN YANG BERHUTANG	PENERANGAN RINGKAS
a. Ditahan daripada membuat pra-pendaftarandan pendaftaran kursus sebenar	
b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm (keputusan peperiksaan), KALAMdan UDAS pada semester semasa dan baharu	<i>Disekat pada minggu ke-5 kuliah semester semasa dan semester baharu sehingga hutang diselesaikan</i>
c. Ditangguhkan Pengajian Diambil Kira	<b><i>Pelajar akan diberikan status TANGGUH PENGAJIAN DIAMBIL KIRA (Defer C) pada minggu ke 11 perkuliahan jika masih berhutang</i></b>
d. Ditahan daripada menduduki peperiksaan	
e. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan	
f. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	

7. **Saya adalah pelajar yang tidak mempunyai penaja / pelajar PTPTN, sekiranya saya membuat bayaran selepas 22/12/2024, adakah saya masih akan ditangguhkan pengajian?**
- Ya. Pelajar perlu membuat perancangan awal untuk membuat bayaran bagi mengelakkan ditangguhkan pengajian. Pihak pengurusan universiti akan mengekalkan status ditangguhkan pengajian dan sebarang proses rayuan adalah tidak dibenarkan. Pelajar boleh menyambung kembali pengajian pada semester berikutnya.
8. **Saya adalah pelajar tiada penajaan dan mengikuti Latihan Industri / tidak mempunyai peperiksaan akhir / mobiliti pada Sem 1 24/25. Adakah saya akan ditangguhkan pengajian sekiranya saya tidak membuat bayaran yuran sehingga 22/12/2024?**
- Ya. Semua pelajar adalah terpakai dengan peraturan ini.
9. **Sekiranya saya ditangguhkan pengajian, adakah saya perlu membayar penuh yuran?**
- Tidak. Yuran yang dibayar adalah yuran pelbagai dan yuran asrama sahaja. Yuran Perkuliahian akan dikecualikan.

**C. PELAJAR BERPENAJA**

**10. Saya adalah pelajar yang mempunyai penaja, bilakah tarikh akhir penaja saya perlu membayar yuran Sem 1 24/25 kepada UMPSA?**

Sebelum **19/02/2025**

**11. Saya adalah pelajar yang mempunyai penaja, namun penaja mengkreditkan semua wang tajaan ke akaun saya. Bilakah tarikh akhir saya perlu membuat bayaran yuran kepada UMPSA?**

- i. Pelajar perlu pastikan telah muatnaik dokumen tajaan di dalam sistem ecomm pelajar>Financial Info>Sponsor Document. Sekiranya tiada maklumat tajaan di dalam sistem, kami akan mengandaikan pelajar adalah tanpa penajaan. Pelajar tanpa penaja perlu membayar yuran pelbagai dan asrama sebelum **03/11/2024**
- ii. Pelajar perlu pastikan data tajaan telah direkodkan dalam sistem. (boleh semak di ecomm> Financial Info)
- iii. Tarikh akhir bayaran yuran Sem 1 24/25 sebelum sekatan dikenakan adalah pada **24/11/2024**

**12. Saya adalah pelajar yang mempunyai penaja, sekiranya saya tidak membayar yuran dalam tempoh yang ditetapkan, apakah kesan ke atas saya?**

SEKATAN KE ATAS PELAJAR BERPENAJA YANG BERHUTANG	PENERANGAN RINGKAS
a. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan	<i>i. Akan disekat sehingga penaja membuat bayaran ii. Akan disekat sehingga pelajar membuat bayaran bagi baki beza yang tidak ditaja</i>
b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, KALAM dan UDAS pada semester baharu	<i>Akan disekat pada semester baharu jika masih ada hutang tertunggak semester sebelum</i>
c. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	